

NO SOALAN :36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN MOHD. YASSIN
(PAGOH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16.11.2017

Y.B. TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN MOHD. YASSIN [PAGOH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebab kelewatan laporan kewangan Syarikat 1MDB yang masih belum dibentangkan sejak tiga tahun yang lalu. Nyatakan komitmen Kerajaan untuk mempercepatkan proses pembentangan penyata kewangan 1MDB kepada Dewan Rakyat.

JAWAPAN

Yang Dipertua,

Laporan kewangan syarikat 1MDB yang sah adalah dokumen yang telah diaudit dan difailkan bersama Suruhanjaya Syarikat

Malaysia (SSM). Oleh itu, mana-mana pihak yang memerlukan laporan kewangan 1MDB hendaklah merujuk dokumen daripada sumber tersebut. Penyata Kewangan 1MDB yang telah diaudit bagi tahun 2009 hingga 2014 boleh dimuat-turun di laman web SSM.

Untuk makluman semua, Laporan Kewangan 1MDB ini tidak pernah dan tidak perlu dibentangkan di Dewan Rakyat.

Tuan Yang Dipertua,

Pada 8 Julai 2015, Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah merampas pelbagai dokumen asal dari pejabat 1MDB. Pihak pengurusan 1MDB telah pun berhubung dengan PDRM mengenai pemulangan dokumen asal syarikat. Sehingga kini, dokumen asal tersebut belum lagi dipulangkan kepada syarikat. Ini telah menyukarkan proses pengauditan laporan kewangan syarikat kerana juruaudit perlu merujuk kepada dokumen asal untuk mengesahkan laporan kewangan.

Namun demikian, pihak juruaudit 1MDB telah pun memulakan proses pengauditan ke atas penyata kewangan tahun 2015 dan 2016 berdasarkan maklumat sedia ada. Jangka masa penyiapan

pengauditan tersebut tidak dapat dipastikan kerana siasatan polis masih berterusan.